



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 JULAI 2019 (SABTU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Selangor rangka sistem baharu laksana tarif air | 83 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
19 JULAI 2019 (JUMAAT)**

Akhbar	Berita Hatian
Tajuk Berita	Selangor rangka sistem baharu laksana tarif air
Muka Surat	83

BH SABTU, 20 JULAI 2019 C/MN **83**
Sentral
Kekal kestabilan operasi Air Selangor



Amirudin bersama penerima sumbangan ketika Majlis Apresiasi Anak Istimewa Selangor (Bantuan Khas Anis) di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam.
Foto Saddam Yusoff/BH

18H 20/7/19 ms : 83

Selangor rangka sistem baharu laksana tarif air

Kerajaan negeri akan umum pada tarikh, waktu sesuai: MB

Oleh Khairul Azran Hussin
khaiazr@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor sedang merangka sistem baharu pelaksanaan tarif air di negeri ini bagi mengekalkan kestabilan operasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Menteri Besar, Amirudin Shari tidak menyatakan tarikh tetapi ia akan dilakukan segera.

"Sampai masa saya akan umum satu sistem baharu tarif air. Saya belum dapat bayangan bila (pelaksanaan sistem baharu tarif air).

"Saya akan cuba mempercepatkan sebab ia berkesan kepada kestabilan Air Selangor dan pengurusan Air Selangor. Jadi saya kena tengok tarikh dan waktu sesuai sebelum umum pelaksanaan sistem baharu ini."

Jadi saya kena tengok tarikh dan waktu sesuai sebelum mengumumkan pelaksanaan sistem baharu tarif air ini," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Apresiasi Anak Istimewa

Selangor (Anis) di Foyer Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Pada 2 Julai lalu, BH melaporkan Kerajaan Selangor masih berunding dengan Kerajaan Persekutuan berhubung kadar baharu tarif air di negeri itu.

Amirudin berkata, rundingan itu mengambil sedikit masa kerana mahu memastikan kenaikan tarif air tidak membebankan golongan berpendapatan rendah, namun dalam masa sama perlu memastikan kewangan Kerajaan Selangor tidak terbeban.

Seluruh ini, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A. Xavier Jayakumar, berkata kadar tarif air di seluruh negara akan dinaikkan secara berperingkat-peringkat tahun ini, selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air.

Beliau berkata, kenaikan tarif air perlu dilaksanakan bagi menjaga kepentingan pengguna untuk mendapatkan air berkualiti serta menjamin industri itu dari sudut perkhidmatan.

Katanya, perundungan untuk menaikkan tarif air perlu dilakukan kerana kadar berkenaan tidak pernah disemak dalam tempoh 20 tahun.

Dalam perkembangan lain, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, dalam satu kenyataan berkata tiga loji rawatan air (LRA) di Sungai Selangor iaitu LRA SSP1, LRA SSP2 dan LRA SSP3, fasa 1,2 dan 3 dihentti tugas semalam berikutan pencemaran bau.

Katanya, beberapa kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat terkesan dengan gangguan bekalan air dan tekanan rendah.

Saya akan cuba percepatkan sebab ia berkesan kepada kestabilan Air Selangor dan pengurusan Air Selangor. Jadi saya kena tengok tarikh dan waktu sesuai sebelum umum pelaksanaan sistem baharu ini.

Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor